

Mayat remaja Ireland ditemui



Bapa Nora Anne, Sebastian Marie Philippe Quoirin (tengah) keluar dari bilik forensik Hospital Tuanku Jaafar Seremban, semalam. (Foto BERNAMA)

Nora gadis istimewa

**Keluarga harga
sokongan,
bantuan diterima
pelbagai pihak**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, Fazrik Kamaruddin, Suhaila Shahrul Anuar dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Hati kami berkecai".

Itu luahan perasaan keluarga Nora Anne Quoirin, remaja Ireland yang ditemui mati kelmarin, 10 hari selepas dia dilaporkan hilang dari sebuah pusat perancangan di Pantai, Nilai, Negeri Sembilan pada 4 Ogos lalu.

Dalam satu kenyataan dikongsi menerusi akaun Facebook Lucie Blackman Trust semalam, keluarga mending juga menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus mencari Nora Anne.

Menganggap pemergian remaja itu sebagai satu peristiwa menyedihkan, keluarganya juga melihat insiden berkenaan berjaya mengukuhkan ikatan kasih sayang di antara mereka.

"Kepada semua rakan dan keluarga di rumah, kami ucapkan terima kasih untuk kasih sayang ini. Nora sentiasa di hati kami sekeluarga, dia gadis yang istimewa dan kami amat menyayanginya sepenuh hati."

"Kami sangat terkesan dengan pemergiannya. Hati kami berkecai. Dia gadis cukup berharga, paling berharga dan kami sangat

menyayanginya. Hati kami berkecai. Kami akan sentiasa menyayangi Nora," kata keluarga itu.

Kepada bantuan yang diterima daripada pelbagai pihak, mereka meluahkan rasa penghargaan termasuk kepada pasukan keselamatan dan penduduk tempatan yang berusaha mencari Nora Anne.

"Kami mahu mengucapkan terima kasih kepada penduduk di sini dan semua pihak yang mendoakan dan terus memberi sokongan pada masa ini.

"Nora berjaya menyatukan ramai orang, dari Perancis, Ireland, Britain dan Malaysia, menyatukan kasih sayang dan sokongan mereka kepadanya dan keluarga. Kehilangannya benar-benar menyentuh hati seluruh masyarakat dunia," kata keluarga itu.